

## PROGRAM PEMBANGUNAN KONTRAKTOR SECARA BERTERUSAN (CCD) SYARAT-SYARAT PENGANJURAN

### 1. TUJUAN

Syarat-syarat ini dibuat sebagai panduan dan peringatan kepada pemohon bagi permohonan dan pelaksanaan program yang berkaitan dengan program CCD.

### 2. TANGGUNGJAWAB PENGANJUR

- 2.1 Permohonan penganjuran kali pertama dan/atau berikutnya hendaklah mengemukakan Borang Pendaftaran Penganjuran (**CIDB/CCD/2016/01**) bersama dokumen seperti yang telah ditetapkan didalam **Senarai Semak** di Pejabat CIDB (Nota: Permohonan boleh diserahkan melalui email, pos atau serahan tangan sahaja).
- 2.2 Program yang hendak diadakan adalah berkaitan dengan pembinaan. Tajuk program **mestilah bersamaan** dengan tajuk sijil / surat akuan kehadiran.
- 2.3 Penganjur daripada **agensi swasta** dikehendaki mengemukakan Permohonan Mata CCD **tidak lewat dari 10 hari bekerja dari tarikh hari penganjuran** bagi mengelakkan permohonan tidak dapat diproses sebelum tarikh penganjuran.
- 2.4 Penganjur daripada **agensi kerajaan** digalakkan mengemukakan permohonan Mata CCD **tidak lewat dari 3 hari bekerja dari tarikh hari penganjuran** bagi mengelakkan permohonan tidak dapat diproses sebelum tarikh penganjuran.
- 2.5 Penganjur hanya dibenarkan mengubah tarikh dan / atau lokasi program / kursus CCD sebanyak **satu (1) kali sahaja**. Kelulusan akan terbatal secara automatik bagi penangguhan program kali kedua. Penganjur diminta membuat **Permohonan Baru Mata CCD**
- 2.6 Pertukaran lokasi hanya dibenarkan di dalam negeri yang sama sahaja.
- 2.7 Penangguhan program CCD hanya dibenarkan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh asal serta mesti di dalam tahun penganjuran yang sama.

**PROGRAM PEMBANGUNAN KONTRAKTOR SECARA BERTERUSAN (CCD)**  
**SYARAT-SYARAT PENGANJURAN**

- 2.8 Penganjur dikehendaki mengemukakan kenyataan bertulis ke Pejabat CIDB Negeri / Cawangan **tidak lewat dari 7 hari bekerja sebelum tarikh kursus** dengan maklumat berikut bagi permohonan penangguhan program
- 2.8.1 Sebab penangguhan
  - 2.8.2 Tarikh baru
  - 2.8.3 Lokasi baru dalam negeri (sekiranya berubah)
- 2.9 Penganjur hanya boleh memaparkan **jumlah mata CCD yang telah diluluskan** sahaja ketika mengiklankan program. Penganjur **tidak dibenarkan menggunakan logo CIDB** bagi tujuan pengiklanan atau promosi program dalam apa jua bentuk media sama ada bercetak atau sebagainya kecuali mendapat kebenaran daripada pihak CIDB.
- 2.10 Pengiklanan perlulah tertumpu kepada promosi program yang dianjurkan. Penganjur adalah **dilarang** menjadikan mata CCD sebagai tarikan utama dalam pengiklanan.
- 2.11 Penganjur bertanggungjawab dalam pelaksanaan segala urusan berkaitan latihan, termasuk pengiklanan program, pendaftaran peserta, caj yuran peserta, peralatan mengajar, makan dan minum, alat tulis, nota program, sijil penyertaan dan sebagainya.
- 2.12 Penganjur hendaklah memastikan setiap peserta menyertai sepenuhnya aktiviti yang telah disediakan sepanjang tempoh program CCD di adakan.
- 2.13 Penganjur bertanggungjawab bagi mengeluarkan sijil penyertaan / kehadiran / surat pengesahan kepada peserta yang hadir sahaja.
- 2.14 Sijil penyertaan / kehadiran / surat pengesahan mesti mencatatkan perkara-perkara berikut:
- 2.14.1 Jumlah mata CCD
  - 2.14.2 Nombor kelulusan mata CCD

**PROGRAM PEMBANGUNAN KONTRAKTOR SECARA BERTERUSAN (CCD)  
SYARAT-SYARAT PENGANJURAN**

2.15 Penganjur dikehendaki mengemukakan dokumen berikut **dalam tempoh 14 hari selepas tarikh program** dijalankan kepada Pejabat CIDB Negeri / Cawangan yang mengeluarkan surat kelulusan.

2.15.1 Bukti Kehadiran Peserta dalam salinan asal yang mengandungi maklumat berikut :

2.15.1.1 Nama syarikat kontraktor

2.15.1.2 Nama penuh peserta

2.15.1.3 Nombor kad pengenalan peserta

2.15.1.4 Nombor telefon bimbit peserta

2.15.1.5 Tandatangan peserta (Nota: perlu mempunyai sesi pagi dan petang bagi program CCD yang dijalankan dalam tempoh satu (1) hari dan ke atas)

2.15.1.6 **Satu Contoh Sijil Asal** yang diberikan kepada peserta.

**3. PEMBAYARAN FI PROSES**

3.1 Setiap permohonan dikenakan fi proses sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja)** tidak termasuk GST yang boleh dibayar di pejabat CIDB.

3.2 Kegagalan membuat pembayaran Fi Proses akan mengakibatkan permohonan tidak akan diproses.

3.3 Fi proses yang dibayar **tidak boleh** dituntut kembali atau ditukar ke program yang lain.

3.4 **Pengecualian fi proses** hanya diberikan kepada penganjur seperti yang berikut :

3.4.1 Sektor / Bahagian / Unit dalaman CIDB

3.4.2 Anak-anak syarikat CIDB

3.4.3 Pusat Latihan yang ditauliahkan oleh CIDB

3.4.4 Agensi Kerajaan

## PROGRAM PEMBANGUNAN KONTRAKTOR SECARA BERTERUSAN (CCD) SYARAT-SYARAT PENGANJURAN

### 4. HAK CIDB

- 4.1 CIDB **berhak** membuat **pemantauan** ke atas program CCD dari semasa ke semasa seperti berikut:
- 4.11 Melawat premis latihan pada bila-bila masa pada waktu program CCD dijalankan tanpa atau dengan notis kepada penganjur.
  - 4.12 Memantau pelaksanaan latihan yang dijalankan oleh penganjur agar menepati subjek/topik berkaitan dengan pembinaan.
  - 4.13 Memeriksa kemudahan dan peralatan yang disediakan oleh penganjur.
  - 4.14 Menemubual peserta dan penceramah program serta mendapatkan maklum balas peserta terhadap program yang dijalankan.
  - 4.15 Memeriksa rekod kehadiran, pengajar serta peserta yang terlibat.
- 4.2 Pemberian status permohonan lulus / gagal / penarikan mata CCD adalah **hak mutlak CIDB**.
- 4.3 CIDB mempunyai hak mutlak bagi mengkaji dan meminda syarat-syarat serta skema mata bagi program CCD dari semasa ke semasa.
- 4.4 CIDB mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan yang tidak menepati objektif, lewat, tidak lengkap atau meragukan daripada pihak penganjur tanpa sebarang alasan.
- 4.5 CIDB berhak mengenakan apa-apa bentuk tindakan yang perlu kepada penganjur program termasuk pengurus/pengarah sekiranya penganjur melanggar syarat-syarat ini.

### 5. TINDAKAN TATATERTIB

- 5.1 Penganjur yang tidak mematuhi syarat-syarat ini boleh dikenakan tindakan berikut:
- 5.1.1 Surat tunjuk sebab dikeluarkan
  - 5.1.2 Penggantungan pemberian mata CCD untuk permohonan baru mata CCD sehingga syarat **2.15** dipatuhi.
  - 5.1.3 Disenarai hitam daripada kelulusan permohonan mata CCD untuk **tempoh 6 bulan**.
  - 5.1.4 Menarik balik pemberian mata CCD penganjur.